



Bab

1



## BAB 1

# BIOGRAFI AL-ṬABARĪ

### 1.0 Pendahuluan

Al-Ṭabarī adalah seorang ulama yang terkenal pada zaman tābi‘īn. Beliau merupakan seorang ahli Sejarah, ulama Tafsir, ahli Hadith dan memberi sumbangan yang begitu besar bukan sahaja dalam bidang Sejarah tetapi juga dalam pelbagai cabang disiplin ilmu yang lain.

Al-Ṭabarī (224 Hijrah-310 Hijrah) hidup pada zaman kekuasaan *khilāfah* ‘Abbāsiyyah. Beliau dilahirkan pada awal pemerintahan Khalifah al-Dhahabī dan meninggal dunia pada zaman pemerintahan Khalifah al-Muqtadir Billah<sup>1</sup>.

Beliau terkenal dengan pelbagai gelaran antaranya ialah *al-muarrikh*, *al-imām*, *al-hāfiẓ*, dan *al-mufassir*. Beliau seorang yang bijaksana dan berwibawa di antara ahli-ahli Hadith, ahli-ahli Fiqah, ahli-ahli *Qirāah* dan orang yang berpotensi serta berusaha untuk memperkayakan sejarah dan asas-asasnya di samping bidang-bidang ilmu yang lain.

---

<sup>1</sup> Muḥammad al-Zuhaylī (1990), *Al-Imam Tabarī*, Damsyiq: Dār al-Qalam, h. 31

## 1.1 Nama dan gelaran

Di dalam melakukan kajian ini, didapati bahawa tidak banyak kitab atau buku-buku yang menceritakan tentang riwayat hidup al-Tabarī secara khusus, tidak ada sebuah buku biografi al-Tabarī yang sempurna dan lengkap seperti mana biografi para ulama lain biar pun umum mengetahui bahawa beliau adalah tokoh ulama yang termasyhur di dalam bidang Sejarah dan Tafsir. Walau bagaimana pun, masih terdapat beberapa buah kitab yang menyentuh peribadi beliau dan serba sedikit tentang latar belakang kehidupannya, meskipun tidak begitu menyeluruh.

Nama penuh beliau ialah Abī Ja‘far Muḥammad bin Jarīr bin Yazīd bin Kathīr al-Tabarī<sup>2</sup>. Sementara nama al-Tabarī di dalam kitab *Jami‘ al-Bayān ‘an Takwil al-Qur’ān* dinyatakan sebagai Muḥammad bin Jarīr bin Yazīd bin Khālid al-Tabarī<sup>3</sup>. Di dalam kitab *al-Fihris*<sup>4</sup> didapati bahawa Abū al-Faraj al-Ma‘āfi bin Zakariā’ al-Nahrwāni seorang yang bermazhab al-Tabarī menyatakan nama al-Tabarī ialah Abū Ja‘far Muḥammad bin Jarīr bin Yazīd bin Khālid al-Tabarī al-Āmulī. Sementara menurut pengarang kitab *al-Tafsīr wa al-Mufassirūn*, nama al-Tabarī ialah Abū Ja‘far Muḥammad bin Jarīr bin Yazīd bin Kathīr bin Ghālib al-

<sup>2</sup> Al-Tabarī (1968), *Tārīkh al-Rusul wa al-Mulūk*. Muḥammad Abū al-Faḍl Ibrāhīm (tahkik.), c.2, j.1, Mesir : Dār al-Ma‘ārif

<sup>3</sup> Al-Tabarī, Muḥammad bin Jarīr (t.t.), *Jami‘ al-Bayān ‘an Takwil al-Qur’ān*, Dār al-Fikr, h. 4

<sup>4</sup> Al-Nadim, Muḥammad bin Ishāq (1994), *al-Fihris*, Lubnan: Dār el-Marefah Publishing & Distributing, Beirut, h. 289

Tabari<sup>5</sup>. Menurut al-Dāwudī di dalam kitabnya *Tabaqāt al-Mufassirīn* menyebutkan nama al-Tabarī ialah Muḥammad bin Jarīr bin Yazīd bin Kathīr al-Amūlī al-Tabarī Abū Ja‘far<sup>6</sup>. Ibn Kathīr menyebutkan nama al-Tabarī ialah Muḥammad bin Jarīr bin Yazīd bin Kathīr bin Ghālib di dalam kitabnya *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*<sup>7</sup>.

Didapati juga nama beliau ialah Muḥammad bin Yazīd bin Kathīr bin Ghālib Abū Ja‘far al-Tabarī di dalam kitab *A‘lām al-Muhaddithīn* karya Dr. Muḥammad Abū Syahbah<sup>8</sup>. Namun, dalam sesetengah kitab, beliau hanya dikenali sebagai Abū Ja‘far Muḥammad bin Jarīr al-Tabarī.

Ahli Sejarah telah bersepakat bahawa nama beliau dan bapa beliau akan tetapi mereka berselisih pendapat dengan nama datuk beliau. Ibn Jawzī dan Badr al-Dīn al-‘Aini menyebut bahawa nama datuk beliau ialah Kathīr bukannya Yazīd. Kebanyakan ahli Sejarah berpendapat bahawa nama datuk beliau ialah Kathīr bin Ghālib. Pendapat ini dipersetujui oleh al-Khatīb al-Baghdādī, Ya‘qūt al-Hamawī, Taj al-Dīn al-Subqī, Nawāwī, Dhahābī, Ibn Kathīr dan al-Qibtī dan

<sup>5</sup> Al-Dhahābī, Muḥammad Ḥusayn (1995), *Al-Tafsīr wa al-Mufassirūn*, j.1, Kaherah: Maktabah Wahbah., h. 215

<sup>6</sup> Al-Dāwudī, Syams al-Dīn Muḥammad bin ‘Alī bin Ahmad (1983), *Tabaqāt al-Mufassirīn*, Lubnan: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Beirut, h. 110

<sup>7</sup> Ibn Kathīr, Abū al-Fidā’ (t.t), *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, j. 11, Lubnan: Dār Ibn Kathīr, Beirut, h.145. Lihat sama al-Khatīb al-Baghdādī, Abū Bakr Ahmad bin ‘Alī (t.t), *Tārīkh al-Baghdādī*, Lubnan: Dār al-Kitāb al-‘Arabi, Beirut, h. 162

<sup>8</sup> Muḥammad Abū Syahbah, Dr. (t.t), *A‘lām al-Muhaddithīn*, Mesir: Dār al-Kutub al-‘Arabi., h. 293

lain-lain lagi. Maka pendapat yang lebih tepat ialah pendapat yang pertama yang disepakati oleh ramai ulamā<sup>9</sup>.

*Kunyah* al-Tabarī iaitu Abū Ja‘far disepakati oleh ahli-ahli Sejarah. Ja‘far bermaksud pemilik<sup>10</sup>. Sebenarnya al-Tabarī tidak mempunyai anak yang bernama Ja‘far kerana beliau tidak pernah berkahwin<sup>11</sup>. Gelaran al-Tabarī pula dinisbahkan kepada Tabaristan sempena dengan tempat kelahiran beliau<sup>12</sup>.

## 1.2 Kelahiran dan keturunan

Menurut satu pendapat menyatakan bahawa al-Tabarī lahir pada akhir tahun 224 Hijrah/838 M di bandar Amul<sup>13</sup> iaitu ibu negeri jajahan Tabaristan yang terletak di dalam negara Iran<sup>14</sup>, di daerah pergunungan di sepanjang Pantai Selatan Kaspia di wilayah Persia<sup>15</sup>. Ada juga pendapat menyatakan bahawa beliau dilahirkan pada awal tahun 225 Hijrah/840 M<sup>16</sup>. Berdasarkan pendapat-pendapat ini, dapatlah diandaikan kemungkinan bahawa beliau lahir pada akhir tahun 224 Hijrah atau pada awal tahun 225 Hijrah. Ahli-ahli Sejarah bersepakat menyatakan bandar Amul, bandar kelahiran al-Tabarī<sup>17</sup>. Namun, di dalam kitab *Mu‘jam al-*

<sup>9</sup> Muhammad al-Zuhaylī (1990), *op.cit.*, h. 27-28

<sup>10</sup> Al-Nadim (1994), *op.cit.*

<sup>11</sup> *Ibid.*, h. 28-29

<sup>12</sup> Effat al-Sharqawi, Dr (1986), *Filsafat Kebudayaan Islam*, Bandung: Penerbit Pustaka, h. 269

<sup>13</sup> Al-Tabarī (1968), *op.cit.*, j.1, h. 6

<sup>14</sup> ‘Abd al-Karim ‘Uthmān (1934), *Ma ‘Im al-Thaqāfah al-Islamiyyah*, Lubnan: Muassasah al-Risālah, Beirut, h. 350

<sup>15</sup> Nourouzzaman Shiddiqi (1986), *Tamaaddun Muslim, Bunga Rampai Kebudayaan Muslim*, Jakarta: Terbitan Bulan Bintang, h. 42

<sup>16</sup> Al-Tabarī (1968), *op.cit.*, j.1, h. 6

<sup>17</sup> Muhammad al-Zuhaylī (1990), *op.cit.*, h. 30

*Mualiffīn* karangan Kahallah menyebutkan bahawa al-Tabarī dilahirkan pada akhir tahun 223 Hijrah atau awal 225 Hijrah<sup>18</sup>.

Tiada perselisihan pendapat mengenai keturunan (nasab) al-Tabarī yang menyatakan bahawa beliau berketurunan Tabaristan. Nasab kedua bagi al-Tabarī ialah al-Amuli iaitu dinisahkan kepada negeri Amul iaitu tempat kelahirannya. Nasab ketiga ialah al-Baghdadi iaitu nisbah kepada kota digelar dengan *al-Imam Abū Ja'far al-Tabarī al-Āmuli al-Baghdādī* dengan menggabungkan ketiga-tiga nasab yang telah dinyatakan sebelum ini<sup>19</sup>.

### 1.3 Perkahwinan

Al-Tabarī mengabadikan diri kepada penerokaan ilmu tanpa henti dari sejak kecil. Sekian lama usianya dihabiskan kepada tujuan keilmuan semata-mata. Namun, kerana kecintaan kepada ilmu yang teramat, beliau tidak berpeluang untuk mengecapi nikmat perkahwinan<sup>20</sup>.

<sup>18</sup> Muhammad Redā Kahallah (t.t), *Mu'jam al-Mualiffīn*, j. 9, Maktabah al-Muthanna, h. 147

<sup>19</sup> *Ibid.*, h. 28-29

<sup>20</sup> Abd Al-Mun'im al-Namru (1985), Dr, *'Ilm al-Tafsīr, Kaifa Nasyaa wa Tatawwara hatta Intaha ila 'Usurina al-Hādir*, Lubnan: Dār al-Kutub al-Islamiyyah, Beirut, h. 107

## 1.4 Pendidikan

Al-Tabarī telah mula menghafaz al-Qur'ān dan menulis Hadīth ketika berada di Āmul. Menurut al-Syajārī daripada al-Tabarī bahawa al-Tabarī mula menghafaz al-Qur'ān ketika berusia 7 tahun<sup>21</sup>. Sementara semasa berusia sembilan tahun, beliau telah menguasai ilmu Hadīth<sup>22</sup>.

Kecintaan beliau terhadap ilmu telah mendorong beliau menuntut ilmu dalam usia yang begitu muda iaitu pada usia dua belas tahun (236 Hijrah)<sup>23</sup>. Dikatakan pengembalaan ilmunya yang pertama adalah pada usianya ini. Ada juga pendapat menyatakan ketika beliau berusia 20 tahun. Beliau dikatakan menguasai pelbagai cabang ilmu termasuklah ilmu berkaitan dengan al-Qur'ān, bahasa, Nahu, syair-syair dan fiqh<sup>24</sup>.

Beliau telah mendapat dorongan yang kuat daripada bapanya, Jarīr. Bapanya telah membuka laluan dan mempermudahkan al-Tabarī menyelusuri jalan-jalan ilmu pengetahuan. Kepintaran al-Tabarī telah dapat dikesan oleh bapanya sejak beliau masih kecil lagi. Oleh kerana itulah bapanya

<sup>21</sup> Al-Tabarī (1968), *op.cit.*, j.1, h.6. Lihat sama al-Tabarī (1987), *Tārīkh al-Umam wa al-Mulūk*, j. 1, Lubnan: Dār al-Fikr, Beirut, h. 11

<sup>22</sup> Manī' 'Abd al-Halim Mahmud, Dr (1978), *Mañāhij al-Mufassirīn*, Kaherah: Dār al-Kitāb al-Misr, h.39

<sup>23</sup> Al-Dāwūdī (1983), *op.cit.*, h. 107

<sup>24</sup> Al-Nadīm (1994), *op.cit.*

menggalakkannya merantau ke negeri lain, setelah beliau berguru dengan guru-guru di daerahnya sendiri<sup>25</sup>.

Al-Tabarī menyatakan bahawa bapa beliau pernah bermimpi melihat beliau berada di antara tangan Rasulullah S.A.W bersama-sama dengan sebuah karung yang penuh berisi batu. Sebelah tangan Rasulullah melemparkan karung itu manakala yang sebelah lagi memegang al-Tabarī<sup>26</sup>.

Bapa beliau meminta pendapat penafsir mimpi tentang mimpi tersebut. Menurut penafsir mimpi, ia merupakan nasihat yang besar dalam agamanya dan memelihara syariatnya<sup>27</sup>.

*Rehlah ilmiah* al-Tabarī bermula di Ray. Beliau telah belajar Feqah daripada Abī al-Muqatil di ‘Irāq. Beliau menulis kitab *al-Mubtadā*’ daripada Aḥmad bin Ḥimād al-Dawlābī. Di samping itu, beliau mengambil *Maghāzī* daripada Ibn Ishāq dari Salmah bin al-Mufadal. Beliau belajar daripada Muḥammad bin Ḥumayd al-Razi dan merencanakannya<sup>28</sup>.

<sup>25</sup> ‘Abd al-Mun’im al-Namru (1985), *op.cit.*, h. 106

<sup>26</sup> Al-Tabarī (1968), *op.cit.*, j. 1, h. 6

<sup>27</sup> *Ibid.*

<sup>28</sup> *Ibid.*, h. 7

Kemudian beliau meneruskan pengembaraannya ke Baghdad untuk menuntut ilmu daripada Imām Aḥmad bin Ḥanbal namun tidak sempat belajar kerana Imām Aḥmad meninggal dunia ketika beliau hampir sampai ke sana pada tahun 241 Hijrah<sup>29</sup>.

Beliau pergi ke Kufah untuk mempelajari ilmu *Qirāah* daripada Sulayman bin Khillād al-Talhibi. Beliau mempelajari ilmu Hādīth daripada Ḥinnād bin al-Sarī al-Rumī al-Kuffī, Ismā‘il bin Mūsā al-Faḍārī, dan Abū Kurayb Muḥammad bin al-‘Alā’ al-Hamadhānī<sup>30</sup>.

Beliau pergi ke Madinah untuk mempelajari ‘Ulūm al-Qur’ān daripada Aḥmad bin Yūsuf al-Tagħlabi al-Muqri’i, ilmu *Fiqh al-Syafi’i* daripada al-Ḥasan bin Muḥammad al-Šabāh dan Abū Sa’id al-Istakhrī yang merupakan imam-imam dalam Mazhab Syaifi’i. Seterusnya beliau meneruskan pengembaraannya ke Mesir pada tahun 253 Hijrah iaitu pada awal zaman pemerintahan Aḥmad bin Tulun dan menuju ke Fustah dan belajar daripada Yūnus bin ‘Abd al-‘Ala, al-Rabi’ bin Sulāymān, Ismā‘il bin Yaḥyā al-Muznī dan lain-lain lagi<sup>31</sup>.

Beliau berpindah ke Basrah dan telah mempelajari ilmu Hadīth daripada beberapa orang guru seperti Abū Bakr Muḥammad bin Basyar al-Ma’rūf di Bundar, Muḥammad bin ‘Abd al-‘Ala al-Sun‘āni dan Basyar bin Muadh al-‘Aqd

<sup>29</sup> *Ibid.*

<sup>30</sup> *Ibid.*

<sup>31</sup> *Ibid.*, h. 8.

dan lain-lainnya<sup>32</sup>. Termasuk juga, Muḥammad bin Ḥumayd al-Rāzī, ‘Ibād bin Ya‘kūb, ‘Abdullah bin Ismā‘il al-Ḥabbarī, Ismā‘il bin Mūsā, ‘Imrān bin Mūsā al-Qazaz<sup>33</sup>.

Beliau mempelajari *al-Fiqh al-Mālik* daripada Yūnus bin ‘Abd al-‘A‘la, Buannya ‘Abd al-Ḥakam Muḥammad, dan ‘Abd al-Rahmān serta lain-lain lagi. Beliau juga turut mempelajari Fiqh penduduk ‘Irāq daripada Abū Muqatil di Ray<sup>34</sup>.

Beliau telah pergi ke Syam untuk mempelajari al-Qur’ān dengan meriwayatkannya daripada orang-orang Syam seperti al-‘Abbās bin al-Wālid iaitu seorang *qari* dari Beirut. Beliau kembali semula ke Mesir pada tahun 256 Hijrah dan belajar al-Qur’ān daripada Yūnus bin ‘Abd al-‘A‘la<sup>35</sup>. Namun, beliau telah menjadikan Baghdad, ‘Irāq sebagai tempat pemukimannya<sup>36</sup>.

## 1.5 Keperibadian dan keistimewaan

Al-Tabarī dikatakan mempunyai wajah yang kacak dan segak, seorang yang tinggi dan fasih dalam percakapan. Beliau juga memiliki iman yang mendalam dan berperwatakan seperti berikut : “Matanya hitam, mukanya kacak,

<sup>32</sup> *Ibid.*

<sup>33</sup> *Ibid.* Lihat sama al-Nadīm (1994), *op.cit.*

<sup>34</sup> Al-Nadīm (1994), *op.cit.*

<sup>35</sup> Al-Tabarī (1968), *op.cit.*, j.1, h. 9 Lihat sama al-Dāwūdī (1983), *op.cit.*

<sup>36</sup> *Ibid.*

tubuhnya tinggi, berjanggut jarang, lidahnya fasih dan seorang yang sangat zuhud”<sup>37</sup>.

Sebagai seorang intelektual dan tokoh ulama terkemuka, kehebatannya diperkatakan oleh para ulama sezaman dengan beliau. Walaupun pandangan mereka berbeza dari pelbagai perspektif namun mereka tetap memperkatakan tentang keperibadian al-Tabarī.

i. Abū Muḥammad al-Farghānī

Beliau menyifatkan al-Tabarī sebagai seorang yang berani dan benar.

“*Imam al-Tabarī (Ibn Jarīr) merupakan seorang yang tidak pernah takut dan gentar terhadap sebarang cercaan, celaan dan ugutan dalam menjalankan tanggungjawabnya kepada Allah*”<sup>38</sup>.

ii. Ibn Khuzaymah

Al-Tabarī seorang yang pakar dalam aspek penguasaannya terhadap apa sahaja bidang ilmu yang tinggi ditelusurinya. Menurut Ibn Khuzaymah :

---

<sup>37</sup> *Ibid.*

<sup>38</sup> Al-Suyūtī, Jalāl al-Dīn ‘Abd Rahmān (1976), *Tabaqāt al-Mufassirīn*, Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 97

*"Tiadalah aku ketahui di atas muka bumi ini seseorang yang lebih alim (lebih tahu) daripada Ibn Jarīr"<sup>39</sup>.*

Beliau juga mengatakan bahawa al-Tabarī merupakan seorang yang suka beribadah, zuhud, wara', berpegang kepada kebenaran, mempunyai suara yang baik dalam pembacaan al-Qur'ān dan berpengetahuan tentang ilmu *Qirāah*. Al-Tabarī mempunyai sifat yang baik, dan seorang daripada *Kibār al-Sāliḥīn* serta seorang ahli Ḥadīth di Mesir pada zaman pemerintahan Ahmad bin Tulun<sup>40</sup>.

iii. Abū 'Abbās bin Surayj

Beliau pernah menyebutkan mengenai kepakaran al-Tabarī :

*"Muhammad bin Jarīr adalah seorang yang pakar lagi tahu"*.

Al-Tabarī telah membuktikan bahawa beliau adalah seorang yang berpengetahuan dalam menjalani kehidupannya sebagai muslim dan tokoh ulama terkenal pada zamannya. Ini dapat dilihat berdasarkan sikap beliau sebelum menyusun kitab *Tafsīr al-Tabarī*, al-Tabarī dikatakan beristikharah terlebih dahulu memohon bantuan daripada Allah.

---

<sup>39</sup> *Ibid*.

<sup>40</sup> Ibn Kathīr (t.t), *op.cit.*, h. 146

*"Aku telah beristikhharah kepada Allah dalam melakukan proses mengarang kitab Tafsir ini. Aku memohon pertolonganNya atas apa yang telah aku niatkan selama tiga tahun. Dan, Allah sesungguhnya telah membantu aku"<sup>41</sup>.*

- iv. Al-Khatib Abū Bakr berkata ;

*"Beliau (al-Tabarī) adalah seorang tokoh ulama yang kata-katanya dijadikan hukum, pendapat serta pandangannya dijadikan hijrah dan diterima pakai. Ini semua adalah kerana pengetahuan dan kelebihannya"<sup>42</sup>.*

Kesungguhan al-Tabarī melaksanakan sesuatu urusan terutama yang berkaitan dengan proses menuntut ilmu dan penulisan kitab menjadikan beliau disegani oleh rakan-rakannya.

- v. ‘Ali bin ‘Ubaydillah bin ‘Abd Al-Ghaffār al-Lughawi

Beliau menyatakan bahawa ;

*"Bahawa al-Tabarī telah menetap selama empat puluh tahun dengan menulis setiap hari empat puluh helaian"<sup>43</sup>. Suatu ketika al-Tabarī pernah bertanya kepada sahabatnya, "Adakah kamu pernah melakukan sesuatu yang berkaitan dengan Tafsir al-Qur'ān?" Jawab mereka, "Berapa banyak yang perlu dilakukan (untuk menghasilkan kitab tafsir)?" Jawab beliau, "Tiga puluh ribu helaian!". Para sahabatnya berkata, "Semua ini adalah sukar dan barangkali kami akan mati sebelum sempat menyiapkannya". Dengan izin Allah al-Tabarī telah dapat menyiapkan tafsir tersebut dengan meringkaskannya kepada tiga ribu helaian<sup>44</sup>.*

<sup>41</sup> Mani' 'Abd al-Halim Mahmud (1978), *op.cit.*, h. 41

<sup>42</sup> *Ibid.*

<sup>43</sup> Al-Dāwūdī (1983), *op.cit.*

<sup>44</sup> Mani' 'Abd al-Halim Mahmud (1978), *op.cit.*

Kesungguhan beliau dapat dilihat melalui Kitāb Tafsirnya yang tiada tolok banding. Kitāb Tafsirnya terkandung himpunan *al-Athār*, *mentahqiqkan al-Akhbār*, *lughah* (bahasa), hukum-hukum *syara'*, di samping mengutarakan beberapa pandangan beliau yang *rajih* lagi jelas. Kesemua ini, melalui proses yang amat sukar dan memerlukan pengorbanan masa, tenaga dan fikiran.

Beliau seorang yang tegas dengan prinsip hidup, mementingkan maruah diri dan amanah. Beliau tidak mudah terpengaruh dengan habuan dunia dan pulangan material atas segala sumbangannya. Beliau tegas dengan prinsipnya, sekalipun berhadapan dengan pihak berkuasa.

vi. Kitab *Tabaqāt al-Mufassirīn* menyebutkan bahawa ;

"Diceritakan bahawa Khalīfah al-Muktafi Billah (295H) mahu membentuk satu kesepakatan pendapat-pendapat para ulama bagi mengelakkan perselisihan berlaku. Lalu, baginda cuba mengumpulkan para ulama zaman tersebut. Namun, sebarang usaha baginda tidak berjaya tanpa persetujuan Ibn Jarīr terlebih dahulu. Akhirnya, Ibn Jarīr bersetuju hadir dan beliau telah membuat sebuah kitab mengenainya. Oleh kerana itulah, beliau diberikan hadiah yang banyak dan persalinan diraja, tetapi Ibn Jarīr enggan menerima<sup>45</sup>.

Keengganan ini menggambarkan kepada kita kehebatan peribadi beliau yang tidak mudah terpengaruh. Pengarang kitab *Mizān al-'Itidāl fī Naqd al-Rijāl* menyatakan bahawa al-Tabarī merupakan seorang yang *thiqah*, benar, terpelihara

---

<sup>45</sup> Al-Suyūti (1976), *op.cit.*

dari melakukan kesilapan serta tidak mengajak manusia ke arah kerosakan batil dan nafsu<sup>46</sup>.

Inilah yang dikatakan keistimewaan yang ada dalam diri al-Tabarī, dari aspek sahsiah dan akhlak. Ilmu dan keperibadian mulia yang dimiliki, menjadi sanjungan dan pujian para ulama sezaman dan terkemudian.

Al-Tabarī memiliki keistimewaan di dalam bidang pengajian al-Qur'ān. Kelebihan beliau sebagai seorang yang *hāfiẓ* telah digunakan untuk mendalami al-Qur'ān<sup>47</sup>. Justeru, beliau mempunyai *qirāahnya* yang tersendiri dan ia diterima pakai oleh murid-muridnya ketika itu. Hasilnya, beliau telah menyusun sebuah kitab yang berkaitan dengan ilmu *Qirāah* iaitu *al-Jāmi*<sup>48</sup>.

Beliau merupakan seorang yang *faqih* sehingga mencapai status mujtahid mutlak. Beliau seorang ulama yang boleh mengeluarkan ijtihad sendiri tanpa perlu merujuk kepada pendapat dan pandangan ulama lain berkenaan sesuatu isu. Malah, beliau dikatakan mempunyai pengetahuan yang luas berkenaan *ikhtilaf al-Madhāhib* (perselisihan mazhab-mazhab). Ekoran itulah, beliau telah menyusun sebuah kitab yang diberi nama Kitab *Ikhtilāf al-Madhāhib*<sup>49</sup>.

<sup>46</sup> Al-Dhahābī, Abū 'Abdullah Muḥammad bin Aḥmad bin 'Uthmān (t.t), *Mizān al-'I'tidāl fī Naqd al-Rijāl*, j. 4, Dār al-Fikr al-'Arabi, h. 419

<sup>47</sup> Al-Tabarī, Abū Ja'far Muḥammad bin Jarīr (1968), *Jamī' al-Bayān 'an Ta'wil ay al-Qur'ān*, j. 1, Mesir: Syarikat Mustafa Al-Bābī Al-Halabī wa Aulāduhu, h. 2

<sup>48</sup> Al-Dāwūdī (1983), *op.cit.*, h. 109

<sup>49</sup> Al-Tabarī (1968), *op.cit.*

Beliau juga dikatakan amat sukar untuk mengikut sesuatu mazhab bahkan beliau turut mempunyai mazhabnya yang tersendiri<sup>50</sup>. Walau bagaimanapun, sebelum itu beliau bermazhab Syafi'i<sup>51</sup>.

Mazhab beliau dikenali sebagai Mazhab *al-Jarīrijyah*. Penubuhan mazhab ini adalah berdasarkan pengamatan yang teliti dan mendalam oleh beliau setelah beliau menerima sokongan daripada majoriti masyarakat Islam ketika itu<sup>52</sup>.

Walaupun begitu, mazhab ini tidak kekal lama. Ternyata ia tidak lagi wujud pada hari ini, sebabnya tidaklah diketahui. Cuma dari andaian yang dibuat, ketiadaan mazhab tersebut hingga kini mungkin berkait rapat dengan faktor zaman. Mungkin juga, al-Tabarī ingin mengelakkan daripada sebarang perpecahan di kalangan umat Islam.

Al-Tabarī juga merupakan seorang tokoh Hadīth (*muhaddith*). Beliau banyak menghafal hadīth-hadīth Rasūlullah S.A.W. Beliau menguasai beberapa disiplin ilmu Hadīth seperti *matan Hadīth*, *sanad Hadīth* dari aspek sahih dan daif, *rijāl al-Hadīth* dan sebagainya<sup>53</sup>.

---

<sup>50</sup> *Ibid.*

<sup>51</sup> Al-Suyūtī (1976), *op.cit.*

<sup>52</sup> Al-Dhahābī (t.t), *op.cit.*

<sup>53</sup> Al-Tabarī (1968), *op.cit.*

vii. Pengarang Kitab *al-Tafsīr wa al-Mufassirūn* pernah menyatakan bahawa;

*"Ibn Jarīr adalah seorang tokoh terkemuka pada zamannya. Kata-katanya dijadikan hukum dan pendapatnya sering dijadikan panduan dan rujukan. Pengiktirafan dan penghormatan masyarakat kepada beliau amat terserlah kerana beliau telah berjaya menghimpunkan segala disiplin ilmu yang belum pernah dilakukan oleh orang sezaman dengan beliau"<sup>54</sup>.*

Hal ini tidak ternafi, relevan dengan sikapnya yang cintakan ilmu tanpa batasan, menguasai dan mahir dalam pelbagai bidang yang diterokai. Dalam soal-soal agama, beliau juga dijadikan rujukan, bersesuaian dengan kedudukannya sebagai mujtahid<sup>55</sup>.

Keistimewaan al-Ṭabarī termasuklah kepakarannya dalam bidang bahasa Arab khususnya yang berkaitan dengan perbahasan mengenai tatabahasa ulamā' Kufah dan tatabahasa ulamā' Basrah yang masing-masing mempunyai pendapat dan teori sendiri<sup>56</sup>.

<sup>54</sup> Al-Dhahābī (t.t), *op.cit.*

<sup>55</sup> Al-Zereklī, Khayr al-Dīn (1976), *Al-A'lām Qamūs Tarajum lī' Asyharī al-Rijāl wa al-Nisa' min al-'Arab wa al-Musta'rabiñ wa al-Mustasyriqibñ*, j. 6, Lubnan: Dār al-Qalam lī al-Malayīn, Beirut, h. 69

<sup>56</sup> Al-Ṭabarī (1968), *op.cit.*

Seterusnya, al-Tabarī juga mengetahui selok-belok syair yang dikarang oleh penyair pada ketika itu dan beliau menguasai elemen-elemen syair seperti rima-rima dan bait-bait syair dengan begitu baik.

Beliau mempunyai pengetahuan luas mengenai *aqwāl al-Sahābah* dan *aqwāl al-Tābi‘in* dalam penafsiran al-Qur’ān sama ada dari aspek sejarah periwayatan al-Qur’ān atau dari aspek manhaj yang digunakan oleh para tābi‘in hingga sampai kepada para sahabat.

Kehebatan beliau mengarang kitab Sejarah (*Tārīkh al-Tabarī*) terserlah. Penulisan dan periwayatan sejarahnya begitu dipercayai sehingga beliau dikagumi oleh semua. Sumber sejarahnya telah diperakukan oleh ramai ulamā’ sebagai *al-Ma’thūr* dan sahih.

Beliau juga menguasai ilmu-ilmu lain seperti ilmu Mantiq, Matematik, Algebra, Perubatan, dan sebahagian ilmu Falsafah silam. Lantaran itulah beliau dianggap sebagai tokoh ulama terkemuka yang menonjol pada kurun ketiga Hijrah.

viii. Abū Bakr al-Khātib yang dipetik daripada al-Qādī Ibn Kāmil pernah menyatakan bahawa ;

*“Empat orang yang aku amat suka jika mereka terus kekal (hidup) iaitu Abū Ja’far al-Tabarī, al-Barbarī, Abū ‘Abdullah bin Abī Khaythamah dan al-*

*Mu'ammarī. Sesungguhnya tidak pernah aku lihat orang yang lebih faham dan lebih terpelihara ilmu daripada mereka semua*<sup>57</sup>.

## 1.6 Sumbangan dan peranan dalam perkembangan ilmu Islam

Sumbangan al-Tabarī yang terpenting adalah melalui dua buah kitab iaitu kitab *Tārīkh al-Umam wa al-Mulūk* juga dikenali *Tārīkh al-Tabarī* dan *Tafsīr Jāmi‘ al-Bayān ‘an Ta’wil ay al-Qur’ān* yang dikenali sebagai *Tafsīr al-Tabarī*. Kedua-dua kitab ini dianggap muktabar dalam kategori masing-masing.

Kitab *Tārīkh al-Umam wa al-Mulūk* atau dikenali dengan nama *Tārīkh al-Tabarī* dianggap sebagai sumber rujukan Sejarah Islam yang paling awal dan terdahulu<sup>58</sup>. Sementara kitab Tafsir beliau diiktiraf sebagai kitab terulung dalam kategori *tafsīr bī al-Ma’thūr*<sup>59</sup>.

Beliau dianggap sebagai tokoh kepada Sejarah Islam dan juga sebagai pelopor kepada ilmu Tafsir. Pandangan ini mengambil kira nilai yang terkandung di dalam kedua-dua kitab tersebut yang mempunyai aspek keilmuan yang tinggi<sup>60</sup>.

<sup>57</sup> Al-Dāwūdī (1983), *op.cit.*, h. 113

<sup>58</sup> Muhammad Fathī ‘Uthmān, Dr. (1992), *Al-Madkhāl ilā al-Tārīkh al-Islām*, Lubnan : Dār al-Nafā’is, h. 162

<sup>59</sup> *Tafsīr bī al-Ma’thūr* ialah sepotong ayat al-Quran ditafsirkan dengan ayat yang lain atau ditafsirkan dengan al-Sunnah dan perkataan Sahabat yang bertujuan untuk menjelaskan kandungan al-Quran dengan lebih tepat dan terperinci. Lihat Jawiah Dakir (1996), *Kewibawaan al-Tafsir dan al-Hadis*, Selangor : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 4

<sup>60</sup> Al-Dhahābī (t.t), *op.cit.*, h. 215

Sumbangan beliau melalui kedua-dua kitab karangannya itu masih terpelihara hingga kini dan dijadikan rujukan oleh orang-orang selepasnya. Walaupun demikian, beliau banyak menghasilkan karya-karya selain daripada kedua buah kitab ini untuk dijadikan rujukan dan pedoman oleh umat Islam. Ianya akan dibincangkan selepas ini.

### 1.7 Guru-guru

Beliau berguru dengan ramai guru yang mempunyai latar belakang ilmu yang berbeza. Antara guru-guru beliau termasuklah Ahmad bin Mani', Abū Kurayb, Hannad bin al-Sara dan Yūnus bin 'Abd al-'Alā<sup>61</sup>. Sementara guru beliau dalam bidang al-Qur'ān ialah al-'Abbās bin al-Wālid yang dipelajarinya di Beirut, dan Yūnus bin 'Abd al-'Alā di Mesir<sup>62</sup>.

Dalam pengajian ilmu Ḥadīth, ternyata beliau mempunyai guru yang agak ramai dan kesemua mereka ini terdiri daripada orang-orang Iraq, Syam, dan Mesir. Berikut adalah senarai guru-guru beliau dalam bidang ini<sup>63</sup> :

- i. Muḥammad bin 'Abd al-Mālik bin Abū al-Sywārib al-'Umawī
- ii. Isḥāq Abū Isrā'īl
- iii. Ismā'īl bin Mūsā al-Fazārī

<sup>61</sup> Al-Suyūtī (1976), *op.cit.*, h. 96

<sup>62</sup> Al-Dāwūdī (1983), *op.cit.*

<sup>63</sup> *Ibid.*

- iv. Ḥannad bin al-Sarri al-Tamīmī
- v. Abū Hammam al-Wālid bin Syuja' al-Sakunī
- vi. Abū Kurayb Muḥammad bin al-'Ala al-Hamadhānī
- vii. Abū Sa'ad 'Abdullah bin Sa'īd al-Asyjī
- viii. Aḥmad bin Manī' al-Baghāwī
- ix. Ya'kūb bin Ibrāhīm al-Dawraqī
- x. 'Amrū bin 'Alī al-Fallas
- xi. Muḥammad bin Bisyar Bundar
- xii. Abū Musā Muḥammad bin al-Mathna al-Zamān
- xiii. 'Abd al-A'la bin Wāsil
- xiv. Sulaymān bin 'Abd al-Jabbar
- xv. Al-Ḥasan bin Qazā'ah
- xvi. Al-Zubayr bin Bikar

## **1.8 Murid-murid**

Al-Tabarī juga mempunyai murid yang tidak terhitung jumlahnya. Antara murid-murid beliau yang agak menonjol ialah :

- i. Abū Syu'aib 'Abdullah bin al-Ḥasan bin Aḥmad bin Abū Syu'ayb al-Harranī
- ii. Abū 'Amrū Muḥammad bin Aḥmad bin Ḥamdān al-Naysaburī
- iii. Abū al-Ḥasan 'Alī bin 'Alan al-Ḥāfiẓ al-Harranī

- iv. Abū al-Tibī ‘Abd al-Ghaffār bin ‘Ubaydillah bin al-Sirrī al-Husaybī al-Muqrī’ al-Wasiti
- v. Abū al-Qāsim Sulaymān bin Aḥmad bin Ayyūb al-Ṭabraqī

### 1.9 Karya-karya

Terdapat beberapa buah kitab yang pernah dihasilkan oleh al-Ṭabarī selain dari dua buah kitab beliau yang terkenal iaitu *Tārīkh al-Rusul wa al-Mulūk* dan *Tafsīr al-Ṭabarī*. Kitab *Tārīkh al-Rusul wa al-Mulūk* cetakan Dār al-Ma‘ārif, Mesir menukilkan bahawa 26 buah kitab pernah dihasilkan oleh al-Ṭabarī<sup>64</sup>. Sementara *Tārīkh al-Umam wa al-Mulūk* cetakan Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Lubnan pada tahun 1997<sup>65</sup> ialah sebanyak 25 buah. Antara kitab-kitab tersebut ialah :

- i. *Adāb al-Manāsik*

Ibn ‘Asākir pernah meriwayatkan bahawa kitab ini adalah sebuah kitab yang membicarakan tentang fardu haji yang berkaitan dengan keperluan seseorang yang hendak melaksanakan ibadat haji. Bermula dari saat keluarnya seseorang, hari yang perlu dipilih untuk memulakan perjalanannya ke Baitullah, apa yang perlu diucapkannya dan dido‘akan ketika menaiki tunggangan(kenderaan) atau berangkat dan juga apabila

<sup>64</sup> Al-Ṭabarī (1967), *Tārīkh al-Rusul wa al-Mulūk*, j. 1. Mesir : Dār al-Ma‘ārif, h. 15

<sup>65</sup> Al-Ṭabarī (1997), *Tārīkh al-Umam wa al-Mulūk*, j.1 Lubnan: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 5-7

berada di sana, tempat-tempat ibadat dan masjid tertentu yang menjadi pilihan hingga selesai menunaikan ibadat haji tersebut<sup>66</sup>.

ii. *Adāb al-Nufūs*

Ibn ‘Asākir meriwayatkan bahawa kitab ini merupakan sebuah kitab psikologi yang menyentuh mengenai peranan setiap anggota badan yang mewakili insan itu sendiri dan perkara-perkara yang perlu diberikan perhatian oleh setiap insan seperti hati, lidah, pendengaran, penglihatan dan sebagainya. Kesemuanya ini diperkuatkan lagi dengan hadith-hadith Rasūlullah S.A.W, para sahabat, tābi‘in dan apa sahaja pendapat mereka atau cerita yang berkaitan, namun kitab ini juga tidak dapat disiapkan<sup>67</sup>.

iii. *Ikhtilāf ‘Ulamā’ al-Ansār fī Ahkāmī Syarā’ī al-Islām*

Kitab ini membahaskan tentang pendapat-pendapat *fujahā’* seperti Malik, al-Auzā‘ī, al-Thawrī, Syafī‘ī, Abū Hanīfah, Abū Yūsūf, Muḥammad bin al-Ḥasan serta Ibrāhīm bin Khalid<sup>68</sup>.

iv. *Aḥādīth Ghadir Khum*<sup>69</sup>

v. *Baṣīṭ al-Qawl fī Ahkām Syarā’ī al-Islām*<sup>70</sup>

<sup>66</sup> Al-Ṭabarī (1968), *op.cit.*, j.1, h.15

<sup>67</sup> *Ibid.*, h.15

<sup>68</sup> *Ibid.*

<sup>69</sup> *Ibid.*

<sup>70</sup> *Ibid.*

Setiap bab di dalam kitab ini turut menyentuh tentang *ikhtilāf al-Sahabah*, al-Tabi‘in dan lain-lain dari aspek jalan periwayatan yang sampai kepada mereka, cara mereka mengeluarkan hujah, hujah-hujah terpilih dan hujah yang dipilih oleh beliau sendiri yang beliau letakkan pada akhir setiap bab di dalam kitab tersebut<sup>71</sup>. Daripada kitab ini juga, terangkum di dalamnya kitab *al-Šalat*, *Adāb al-Ḥukkām*, *al-Muḥādir wa al-Sajilāt* dan kitab *Tartib al-‘Ulamā’*.

- vi. *Al-Baṣrī fī Ma‘ālim al-Dīn*<sup>72</sup>
- vii. *Tārīkh al-Rusul wa al-Mulūk*
- viii. *Tahdhīb al-Athār*<sup>73</sup>
- ix. *Al-Jāmi‘ al-Bayān ‘an Takwil ay al-Qur’ān*
- x. *Al-Jāmi‘ fī al-Qirā’āt*<sup>74</sup>
- xi. *Hadīth al-Tayr*
- xii. *Al-Khafīf fī al-Fiqh*
- xiii. *Dhayl al-Mudhayl*
- xiv. *Al-Radd ‘ala dhī al-Asfār*<sup>75</sup>
- xv. *Al-Radd ‘alā Qawsiyah*<sup>76</sup>

<sup>71</sup> *Ibid.*

<sup>72</sup> *Ibid.*, h. 16

<sup>73</sup> *Ibid.*

<sup>74</sup> *Ibid.*, h. 17

<sup>75</sup> *Ibid.*, h. 18

<sup>76</sup> *Ibid.*

- xvi. *Al-Radd 'ala Ibn 'Abd al-Hukm 'ala Mālik*<sup>77</sup>
- xvii. *Sorūh al-Sunnah*
- xviii. *Turuq al- Hadīth*
- xix. *'Ibārah al-Ru'yā*<sup>78</sup>
- xx. *Kitāb al-'Adād wa al-Tanzīl*<sup>79</sup>
- xxi. *Kitāb al-Faqā'īl*<sup>80</sup>
- xxii. *Laṭīf al-Qawl fī Ahkām Syarā'i al-Islām*<sup>81</sup>
- xxiii. *Mukhtaṣar al-Farā'id*<sup>82</sup>
- xxiv. *Kitāb al-Mujarrad*<sup>83</sup>
- xxv. *Kitāb al-Mustarsyid*
- xxvi. *Kitāb al-Wakaf*<sup>84</sup>

Terdapat dua buah kitab hasil karya al-Tabarī yang dinyatakan oleh pencetak Dār al-Kutub al- 'Ilmiyyah yang tidak terdapat di dalam cetakan Dār al-Ma'ārif, Mesir iaitu :

- i. *Al-Basīt fī Ma 'ālim al-Dīn*

---

<sup>77</sup> *Ibid.*

<sup>78</sup> *Ibid.*, h. 19

<sup>79</sup> *Ibid.*

<sup>80</sup> *Ibid.*

<sup>81</sup> *Ibid.*

<sup>82</sup> *Ibid.*

<sup>83</sup> *Ibid.*

<sup>84</sup> *Ibid.*, h. 20

Di dalam kitab ini terdapat sebanyak seribu lima ratus helaian, rentetan daripada kemunculan kitab *al-Basīr*.

ii. *Tahdhīb al-Athār wa Tafsīl al-Thābit min al-Akhbār*

Menurut Khātib Abū Bakr :

"Aku belum pernah melihat kitab seperti ini, cuma aku juga ingin sebut sayangnya kitab ini tidak dapat disempurnakan oleh al-Tabarī"<sup>85</sup>.

Isi kandungan kitab ini lebih menjurus kepada *al-Athār*. Ia dimulai dengan apa yang diriwayatkan oleh Sayyidinā Abū Bakr al-Šiddīq melalui sanad yang sahih dan juga turut membicarakan hadith-hadith yang dinukilkhan daripada beliau. Seterusnya, turut disentuh di dalamnya mengenai *turuq* (cara atau jalan yang sampai kepada Hadith). Terdapat juga di dalamnya Fiqh, Sunnah, *Ikhtilaf al-'Ulamā'*, hujah-hujah ulama, maksud-maksud yang dikehendaki, salah faham orang-orang *mulhid*, cara menolak hujah *mulhid* dan sebagainya lagi. Namun begitu beliau tidak sempat menghabiskan karangan tersebut<sup>86</sup>.

iii. *Sahīh al-Sunnah*

---

<sup>85</sup> Al-Dāwūdī (1983), *op.cit.*

<sup>86</sup> Al-Tabarī (1967), *op.cit.*, j.1, h.17

Antara kandungan kitab ini ialah pegangan mazhab al-Tabarī dan apa yang diikutinya melalui agama Allah. Menurut al-Tabarī, semua yang dilalui berdasarkan jalan yang pernah direntasi oleh para sahabat, tābi‘in dan juga para fuqahā<sup>87</sup>.

Penulis mendapati terdapat hanya 8 buah kitab yang ditulis oleh al-Tabarī yang disenaraikan oleh pencetak kitab *Tārīkhnya*, Dār al-Fikr cetakan pada tahun 1987<sup>88</sup>. Antaranya :

- i. *Adāb Manāsik*
- ii. *Adāb al-Nufūs*
- iii. *Aḥādīth Ghadir Khum wa Faḍayl 'Alī bin Abī Ṭalib r.a*
- iv. *Ikhtilāf 'Ulamā' al-Amsār (fi'l-Fiqh)*
- v. *Risālah al-Basṭ fī Ma 'ālim al-Dīn*
- vi. *Tahdhīb al-Athār wa Tafsīl al-Thābit min al-Akhbār*
- vii. *Jāmi' al-Bayān 'an Takwil Ay al-Qur'ān*
- viii. *Al-Jāmi' fi'l-Qirā'āt*

Hakikatnya, al-Tabarī banyak menghasilkan karya-karya untuk rujukan umat Islam. Namun, kebanyakan kitab karangan beliau tidak sempat sampai ke tangan kita kini.

<sup>87</sup> *Ibid.*

<sup>88</sup> Al-Tabarī (1987), *op.cit.*, h. 16-17

Walau bagaimanapun, sumbangan besar beliau adalah melalui *Tārikh al-Tabarī* dan *Tafsīr al-Tabarī* tidak dapat dinafikan kerana kedua-duanya merupakan rujukan yang terpenting dalam bidang masing-masing. Jika para ulama sezaman dengannya memperakukan hal ini, kita tidak mempunyai sebarang alasan untuk menafikannya.

### 1.10 Kematian

Setelah mengabdiakan kecintaan terhadap ilmu demi membangunkan Islam dan umatnya, beliau dikatakan meninggal dunia pada hari Sabtu yang hening bersamaan bulan Syawal tahun 310 Hijrah (923M)<sup>89</sup>. Beliau juga dikatakan meninggal dunia pada waktu ‘Isyak, hari Ahad bersamaan 28 Syawal tahun 310 Hijrah dengan kebanyakan rambut dan janggutnya masih hitam<sup>90</sup> pada usia 85 tahun atau setengah pendapat mengatakan 60 tahun<sup>91</sup>. Sesungguhnya kematian beliau merupakan satu kehilangan besar kepada Islam dan umatnya. Jenazahnya telah disemadikan keesokan harinya, Ahad yang suram di rumahnya di kota Bagdad dengan diiringi oleh puluhan ribu umat manusia ketika itu bagi memberikan penghormatan terakhir kepadanya<sup>92</sup>. Sesungguhnya kematian beliau merupakan satu kehilangan besar kepada Islam dan umatnya. Abū Sa‘id ibn al-‘Arabi berkata mengenai al-Tabarī di dalam syair-syairnya :

<sup>89</sup> Al-Dāwūdī (1983), *op.cit*

<sup>90</sup> Ibn Kathir (t.t), *op.cit*, h. 146

<sup>91</sup> *Ibid.*

<sup>92</sup> Al-Suyūtī (1976), *op.cit*.

*"Sesuatu yang ngeri telah berlaku serta kejadian yang besar telah menimpa, ini semua amat sukar untuk bersabar oleh orang-orang yang sabar. Pembawa berita buruk telah membawa berita ketandusan ilmu apabila masa pembawa berita kematian Muhammad Ibn Jarīr telah tiba".*

Abū Durayd telah berkata di dalam qasidahnya :

*"Sesungguhnya maut tidaklah memusnahkan beliau sebagai seorang lelaki tetapi beliau telah memusnahkan segala ilmu agama yang teguh. Sesiapa yang hidup pada zamannya boleh menimba dari ilmu beliau tetapi sekarang keadaan telah menjadi keruh. Tidak ! Kerana masa yang telah berjalan telah pun menjadikan ilmu itu bercahaya serta menentukan ke arah ketaqwaan. Abū Ja'afar telah pergi dan bersahabatkan ilmu dan sesungguhnya beliau sendiri (sebagai sahabat) tidak kurang keagungan dari ilmu yang telah beliau jadikan teman pemergian pula. Seluruh bumi Allah ingin dijadikan kubur untuknya untuk menyimpan jasadnya yang seperti pewangi yang paling tinggi mutunya (atar)<sup>93</sup>.*

### 1.11 Kesimpulan

Kesungguhan dan kehebatan nilai ilmu al-Tabarī tidak dapat ditandingi oleh para cendikiawan masa kini. Komitmen beliau yang jitu serta niat ikhlas dalam proses menuntut ilmu telah meletakkannya sebagai tokoh ilmuan ulung dalam bidangnya yang tersendiri.

<sup>93</sup> Ali Yusuf Ali (1989), *Silsilah Ulama Tafsir*. Sohair Abdel Moneim Sery, Datin (terj.), Jakarta: Penerbitan Pustaka Antara, h. 30